



**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)
KEPONG, 52109 SELANGOR**

Ruj Kami/ Our Ref: FRIM500-3/2/1(14)

Ruj Tuan/ Our Ref:

Tarikh : 29 April 2024

IKLAN JAWATAN KOSONG KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL
SIRI 1/2024

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang berkelayakan bagi mengisi jawatan-jawatan-jawatan berikut di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

1. (a) Jawatan : Pegawai Penyelidik Gred Q41

(b) Bil Kekosongan : 1 jawatan

(c) Bidang : Pembangunan Sistem

(d) Penempatan : Bahagian Perkhidmatan Teknikal

(e) Taraf Jawatan : Kontrak

(f) Jadual Gaji : RM 2,315.00 (Minimum) – RM 9,618.00 (Maksimum)

(g) Kadar Kenaikan Gaji Tahunan : RM 225.00

(h) Imbuhan

(i) Tetap Khidmat Awam : RM300.00

(ii) Tetap Perumahan : RM300.00

(iii) Bantuan Sara Hidup : RM300.00

(i) Syarat Lantikan :

Calon-calon bagi jawatan di atas hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(i) Warganegara Malaysia;

(ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(j) Kelayakan Lantikan Ke Gred Q41

- i) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; (Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: RM2,315.00); atau
- ii) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pertanian atau perikanan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; (Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: RM2,418.66); atau
- iii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: RM2,522.44); atau
- iv) Ijazah Sarjana dalam bidang sains atau kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: RM2,833.78); atau
- v) Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang sains atau kejuruteraan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: RM3,145.11); dan

(k) Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan ke Pegawai Penyelidik Gred Q41 hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(l) Pengalaman Bekerja

Calon-calon dengan pengalaman berkaitan pengurusan dan pengetahuan teknikal berikut diberi keutamaan:

Bidang Pembangunan Sistem

- Bahasa Pengaturcaraan Web (Adobe Coldfusion, Java, Bootstrap, CSS dan Wordpress).
- Bahasa Pengaturcaraan Mobile Apps (Flutter dan Lain-lain Pengaturcaraan mengikut trend terkini).
- Pengkalan Data (MS SQL dan MySQL).
- Pensijilan ISO/IEC 27001 Information Security Management System (ISMS) atau lain-lain standard yang berkaitan.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem permohonan jawatan dalam talian yang boleh diakses di laman sesawang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Hanya permohonan yang dibuat melalui sistem permohonan dalam talian FRIM (<https://www.frim.gov.my/ms/kerjaya/>) akan diproses. Calon dikehendaki memuatnaik resume yang lengkap (kelayakan akademik, pengalaman kerja, gambar berukuran passport serta salinan sijil-sijil berkaitan) semasa membuat permohonan.

Tarikh Tutup Permohonan pada 21 Mei 2024 (Selasa)

CATATAN AM

Hanya calon-calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk menjalani proses saringan. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)